

TARIKH: 22/9/23.
SURAT KHABAR: Sinar Harian.
MUKA SURAT: 28

28

NEGERI

SINAR HARIAN • JUMAAT 22 SEPTEMBER 2023

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

KELANTAN TERENGGANU

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB •

Mana bayaran gaji kami?

43 pekerja syarikat pembersihan rayu percepat bayaran gaji tertunggak

Oleh ADILA SHARINNI
WAHID
KUALA KRAI

Seramai 43 pekerja syarikat pembersihan di daerah ini berdepan kesempitan wang apabila dua bulan gaji mereka didakwa tertunggak sejak Julai lalu.

Keadaan itu menyebabkan ada di antara mereka berhutang dengan saudara-mara, tidak dapat membayar bil elektrik, air dan sewa rumah masing-masing.

Salah seorang mereka, Siti Nur Hasanah Che Wil, 40, berkata, gajinya sebanyak RM1,500 sebulan dan sepatutnya menerima RM1,350 selepas potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada setiap tujuh atau lapan hari bulan setiap bulan.

Bagaimanapun, ujarnya gaji Julai dan Ogos belum dibayar kepadanya menyebabkan sudah dua bulan gagal untuk menjelaskan bayaran sewa rumah sebanyak RM260 sebulan.

"Saya ibu tunggal yang perlu menyara lima anak berusia tiga hingga 21 tahun dan dua daripada mereka bersekolah di prasekolah serta darjah enam tetapi gaji sudah dua bulan tidak dibayar.

"Tuan rumah sudah banyak



Siti Nur Hasanah (tiga dari kanan) bersama pekerja lain yang melakukan himpunan aman di Kuala Krai meminta majikan segera membayar tunggakan gaji mereka.



IBRAHIM



SITI NUR HASANAH



MOHAMMAD FIKRI

kali bertanyakan bila nak jelaskan sewa dan saya bimbang kena halau keluar kalau terus tak ada duit untuk membayarnya," katanya ketika ditemui di himpunan aman di tepi Jalan Kuala Krai-Gua Musang di sini, pada Khamis.

Mohammad Fikri Mat Nor, 43, yang tinggal di Telekung berkata, terpaksa berhutang dengan adik-beradik dan saudara-mara untuk menyediakan wang



saku sekolah-anan dua anaknya berusia enam dan tujuh tahun.

Lebih menyedihkan, pernah anaknya tidak membawa wang saku ke sekolah kerana dia sudah tebal muka hendak meminjam wang daripada orang lain.

"Kadang-kala ada cikgu-cikgu di tempat kerja saya yang kesian dan membantu memberikan beras untuk saya sekeluarga makan," kata-naya sebak.

Dalam pada itu, tukang cuci, Ibrahim Abd Rahim, 59, berharap tunggakan itu diselesaikan dengan cepat kerana sudah tidak sanggup menanggung

beban hutang dan menunggu lebih lama.

Sementara itu, majikan mereka yang dihubungi pemberita mengakui kelewatan bayaran gaji ke atas pekerja-pekerjanya disebabkan berdepan masalah kewangan dan pusingan modal.

Menurut beliau, keadaan kelewatan pembayaran gaji itu tidak pernah berlaku sehingga-lah pelaksanaan gaji minimum RM1,500 dikuatkuasakan dan memberi bebanan kepada syarikat bermula Mei tahun lalu.

"Pihak kami sudah mengadakan perbincangan dan dalam usaha membayar kesemua tunggakan gaji pekerja kerana amat memahami kesempitan yang mereka hadapi.

"Kami terpaksa menggunakan wang syarikat sebagai pusingan dan membuat pinjaman bank bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan segera sebelum tamat bulan ini," katanya.